

ILMU PERUBATAN TRADISIONAL ETNIK MELAYU SARAWAK

Traditional Ethnic Medicine of Sarawak Malays

Mohd. Shahhidel Bin Musa¹

^{1&3}*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

²*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah*

¹*mshahhidel000@gmail.com,*

Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Ilmu perubatan tradisional merupakan ilmu perubatan yang telah wujud sebelum ilmu perubatan moden. Kedua-dua ilmu ini merupakan ilmu yang saling membantu antara satu sama lain. Ilmu perubatan tradisional khususnya daripada etnik Melayu di Sarawak menjadi salah satu warisan dan perlu diturunkan kepada generasi akan datang. Hal ini kerana mempunyai nilai sebagai sumber warisan. Walaupun begitu, perubatan tradisional Melayu Sarawak kian pupus. Pengurusan sumber warisan ke atas ilmu ini perlu diberi perhatian dan pada masa kini telah ada usaha-usaha tersebut. Maka, penulisan ini akan menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan isu-isu berkaitan perubatan ini. Hal ini kerana penjagaannya mempunyai kepentingan. Seterusnya, kaedah pengurusan dan cadangan pemuliharaan dan pemeliharaan akan diambil kira dalam penulisan ini.

Kata Kunci: Warisan Budaya, Perubatan Tradisional, Melayu Sarawak

Abstract

Traditional medicine is a medical science that existed before modern medicine. These two sciences are sciences that help each other. The knowledge of traditional medicine, especially from the Malay ethnic group in Sarawak, is one of our heritages and needs to be handed down to the next generation. This is because it has value as a source of heritage. Even so, Sarawak Malay traditional medicine is dying out. The management of heritage resources on this knowledge needs to be given attention and nowadays there have been such efforts. So, this writing will touch on matters related to these medical issues. This is because its care has importance. Next, management methods and conservation and preservation recommendations will be taken into account in this writing.

Keywords: *Cultural Heritage, Traditional Medicine, Sarawak Malays*

Pengenalan

Masyarakat Melayu Sarawak mempunyai pelbagai sumber warisan yang perlu dipertahankan oleh generasi masa kini untuk diteruskan pewarisannya kepada generasi akan datang. Antara sumber warisan yang dimiliki oleh Melayu Sarawak adalah ilmu perubatan tradisional. Pengamalan ilmu ini penting kerana dapat menyembuhkan banyak penyakit yang tidak dapat diubati perubatan moden pada hari ini. Namun begitu, kesedaran tentang warisan ini amat kurang diketahui oleh generasi muda pada masa kini. Maka jumlah akal yang mengetahui dan menguasai ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah sedikit. Oleh itu, esei ini mengupas tentang isu-isu terkini perubatan tradisional Melayu Sarawak. Pada masa yang sama, esei ini juga akan menyentuh tentang kepentingan, cabaran dan langkah pengurusan sumber warisan yang bernilai ini.

Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Ilmu perubatan tradisional Melayu secara umumnya tidak mempunyai perbezaan yang jelas dengan perubatan tradisional Orang Melayu yang lain di Nusantara. Kaedah penggunaannya sering dikaitkan dengan perbomohan. Hal ini bermaksud terdapat campur tangan makhluk halus dalam pengubatan secara tradisional Melayu Sarawak. Namun demikian, ilmu perubatan tradisional Melayu secara umumnya tidak ada kaitan dengan perbomohan. Ilmu perubatan tradisional Melayu merupakan satu warisan dari semasa ke semasa dan kaedah pengubatan secara alternatif yang di amal bersama ayat Al-Quran serta herba yang pelbagai (Baharudin, 2020). Tambahan pula, perubatan tradisional Melayu Sarawak juga boleh dikaitkan dengan pengubatan dengan hati (Tib Al-Qalb). Hal ini dikatakan demikian kerana perubatan tradisional Melayu Sarawak menyelitkan doa-doa tertentu yang diterima dalam Islam. Sekiranya ilmu perubatan tersebut melibatkan campur tangan makhluk halus atau mempunyai unsur khurafat, maka ilmu perubatan tersebut boleh dikatakan daripada perbomohan. Hal ini menjadi satu kemungkinan generasi kini meninggalkan ilmu perubatan ini.

Pengamalan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak tidak bertentangan dengan tujuan asal perubatan tradisional Melayu secara umum iaitu untuk kebaikan pelbagai aspek kesihatan, kebaikan jasmani dan rohani. Malahan penggunaannya boleh merangkumi keselamatan diri dari persekitaran yang berbahaya, kecantikan fizikal, pekerjaan, hidup berkeluarga dan urusan dirumah (Hamidah Abdul Wahab, 2013: 91). Manfaat daripada perubatan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah sangat luas. Oleh sebab itu, perubatan ini perlu dikekalkan sebagai warisan. Pengekalannya akan memberikan banyak peluang kepada ramai pihak untuk memanfaatkan perubatan tradisional Melayu Sarawak dalam pelbagai aspek. Misalnya, tujuan komersial, tujuan kesihatan alternatif, tujuan pelancongan dan sebagainya.

Selain itu, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak disebutkan dalam Sarawak Gazette bertarikh 1 Mei 1922. Dicatatkan bahawa terdapat sejenis penyakit yang biasa muncul dalam masyarakat di Sarawak tidak kira dari etnik mana sekalipun. Penyakit ini mempunyai nama yang berbeza tetapi hakikat penyakit adalah sama iaitu yang dinamakan Frambusia. Rawatan secara tradisional yang diamal oleh Melayu Sarawak adalah dengan menggunakan batang birah, daun birah dan kapur. Batang birah dipotong, dicampur bersama kapur dan disapu pada tempat sakit manakal daun birah dijadikan sebagai pembalut (Sarawak Gazette, 1922: 118). Bahkan terdapat kaedah yang lain dengan menggunakan lada, buah pala, cengkih dan changkuk (Sarawak Gazette, 1922: 118). Tumbuhan herba seperti ini turut digunakan dalam rawatan penyakit Frambusia. Tambahan pula, tiada perbezaan perubatan tradisional Melayu Sarawak dengan perubatan tradisional Melayu di Semenanjung Tanah Melayu melainkan sedikit. Misalnya, Melayu di Kelantan menggunakan bahan tumbuhan seperti ceraka merah, bebuta, merunggai, kecubung hitam, warangan dan serbuk kaca (Gimlette, J. D., 1923: 2). Pada akhirnya, proses penggunaan herba ini menunjukkan terdapat jenis-jenis rawatan untuk satu penyakit. Sekaligus membuktikan Melayu Sarawak mempunyai ilmu perubatan tradisional tersendiri.

Masyarakat Melayu Sarawak juga didapati mempunyai ilmu perubatan tradisional dengan memanfaatkan apa yang berada di sekitarnya. Hal ini disebut dalam kajian tahun 2013. Perubatan terdapat dalam pantang larang yang diamalkan oleh Melayu Sarawak. Contohnya, amalan berdiang yang perlu dilakukan oleh wanita selepas bersalin. Amalan ini dilakukan kerana membantu peredaran darah yang lebih teratur dalam tubuh wanita yang baru bersalin. Berdiang bermula dengan membuat unggun api terlebih dahulu dan wanita Melayu tersebut perlu duduk berdekatan dengannya selama 40 hari (Hamidah Abdul Wahab, 2013: 92). Disebabkan kemudahan yang lebih maju dizaman moden, amalan ini telah ditinggalkan. Amalan lain seperti untuk kecantikan juga turut diamal dengan membaca doa khusus. Hal ini menunjukkan terdapat kepercayaan agama yang terlibat dalam perubatan

tradisional Melayu Sarawak berupa penjagaan kecantikan wanita. Berikut menunjukkan salah satu contoh jampi untuk kecantikan:

Bismillahirrahmanirrahim
Induk kunyit, induk melati
Ditanam Allah belakang bumi
Muka berseri-seri
Seperti anak Rasulullah yang menjadi
Seri naik ke dahi
Cahaya naik ke muka
Bendang naik ke belakang
Ya Allah, Ya Allah
Kukuhkan Allah
Berkat ku makei doa Rasulullah

Amalan mandi bunga juga mempunyai tujuan yang sama seperti doa tersebut. Perubatan tradisional Melayu kebiasaannya mempraktikkan mandi bunga. Namun, amalan mandi bunga sering disalahertikan dengan upacara perbomohan. Namun tanggapan seperti ini adalah kurang tepat. Mandi bunga adalah salah satu rawatan tradisional masyarakat Melayu sejak zaman dahulu. Amalan mandi bunga diamalkan juga oleh Melayu Sarawak dalam perubatan tradisional. Malahan tujuan mandi bunga merangkumi penjagaan kesihatan dan lebih cenderung untuk menjaga kecantikan. Selain daripada itu, manfaat mandi bunga yang lain adalah menaikkan aura, mengembalikan kesegaran badan dan mewujudkan wangian pada tubuh badan (Wan Husni Wan Abdullah et al., 2019: 132). Maka, amalan mandi bunga dalam perubatan tradisional Melayu Sarawak membantu dalam menjaga kesihatan dan kecantikan seseorang.

Penggunaan doa-doa seperti ini digunakan atas tujuan yang baik-baik. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan nama-nama Allah, nama Rasulullah dan orang-orang soleh diselitkan dalam doa-doa tersebut. Perkara ini menjelaskan bahawa nama-nama tersebut digunakan sebagai perantara (tawasul) agar menjadi sebab sesuatu doa itu menjadi mujarab. Selain itu, perkara yang menarik dalam perubatan tradisional Melayu Sarawak ini juga dirujuk kepada asimilasi di antara ilmu

tentang alam dan ilmu agama Islam. Disamping menggunakan doa-doa khusus, perubatan ini mengenakan pantang-larang kepada pesakit seperti menghindar makanan tertentu. Secara tidak langsung doa, usaha, tawakal dan ikhtiar tidak ditinggalkan dalam perubatan tradisional Melayu Sarawak yang selari dengan tuntutan agama Islam. Sebagai contoh, sakit angin dirawat dengan ilmu conteng yang menggunakan kapur. Doa khusus akan dibaca pada setiap contengan. Pada masa yang sama pesakit dilarang untuk memakan cili dan ikan sembilang (Monaliza Sarbini-Zin et al., 2014: 80). Manakala doa khusus yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Doa Tajam
Bismillah hir Rahman nir Rahim
Pokok pandan
Bunga pudak [sejenis daun pandan]
Akar dia
Tungkur babi
Datang tajam
Datang senak
Diconteng dengan kapur
Terus sik jadi.

Doa-doa seperti ini jika diteliti seolah-olah bukan doa biasa yang digunakan dalam solat, membaca Al-Quran dan doa rutin harian seperti yang diajar dalam pengajaran Islam yang asal. Hal ini kerana terdapat pengaruh budaya tempatan dalam doa-doa tersebut. Bahkan masyarakat kini juga boleh keliru bahawa ianya seperti jampi-jampi serapah. Bagi mengelak salah faham tentang perubatan tradisional Melayu Sarawak, maka penelitian tentang ayat-ayat, perkataan dan frasa ayat perlu difahami. Seperti doa di atas, doa yang diminta adalah secara tidak langsung namun ianya menyebut kepada alat dan bahan yang digunakan. Ungkapan dalam doa adalah berupa perbuatan perawat dengan alat dan bahan yang digunakan semasa proses rawatan dijalankan.

Amalan perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah amat jelas tidak bertentang dengan Islam. Hal ini dikatakan bahawa, doa-doa rawatan tidak berunsurkan pemujaan roh-roh, alam dan jin. Bahkan masyarakat Melayu Sarawak memulakan bacaan doa

rawatan dengan Bismillahirrahmanirrahim (Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang) dan diakhiri dengan menyebut "dengan berkat kalimah Lailahaillallah Muhammadurusulullah" (Hamidah Abdul Wahab, 93: 2013). Awal dan akhir yang menggunakan kalimah-kalimah ini adalah dari Al-Quran dan kitab ini adalah ubat penawar kepada orang-orang beriman. Ayat 82 dari Surah Al-Isra' menjelaskan, "Dan kami menurunkan al-Qur'an menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman dan al-Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang yang zalim (melanggar perintah Allah) melainkan kerugian". Perkara yang penting dalam rawatan ini adalah tentang keserasian penyakit dengan dengan ubat dan keyakinan terhadap ubat tersebut (Nurdeang dan Hayati, 386: 2011).

Seterusnya, kajian yang pernah dilakukan pada tahun 2014 pula menunjukkan bahawa ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak semakin pupus. Hal ini berkait dengan faktor-faktor yang ditemui setelah soal selidik dilakukan dalam kajian tersebut. Hasil daripada kajian ini menunjukkan 13 jenis rawatan tradisional Melayu Sarawak yang diamalkan. Antaranya ialah, besembor, bertacam, berdal, beconteng, berparam, berpaus palak dan mandi bunga. Amalan ini semakin hilang ditelan zaman. Hal ini dilihat oleh informan yang ditemu bual sesuatu yang merisaukan dengan menyatakan bahawa perubatan tradisional Melayu Sarawak perlu dijaga agar warisan turun-temurun ini tidak hilang dalam diri masyarakat. Jelas sekali bahawa ilmu perubatan tradisional ini perlu diberi perhatian kerana kehilangan warisan ini adalah satu kehilangan yang sangat besar.

Salah satu proses rawatan daripada jenis-jenis rawatan tersebut boleh dilihat kepada amalan berconteng dan berjait. Rawatan ini khusus untuk menyembuhkan banyak jenis penyakit dengan menggunakan lafaz doa berupa pantun dan kapur yang dicampur sedikit air. Penyakit-penyakit yang dirawat dengan amalan ini adalah senak perut, muntah dan sakit pada anggota badan yang lain. Individu yang mengubat tersebut hendaklah menconteng kapur tersebut pada anggota badan pesakit agar menghilang. Berconteng dan berjait adalah hampir sama namun

berjait perlu membaca lafaz pantun dan meniup kepala pesakit yang terkena temuan (Rosnah Mustafa et al., 320: 2014).

Justifikasi Kepentingan Ilmu Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah sebahagian daripada warisan tempatan yang perlu dipertahankan. Perkara ini jelas apabila ilmu ini mempunyai nilai yang tinggi dan tersendiri. Oleh hal yang demikian, tidak dinafikan pasti banyak kepentingan yang terdapat pada bidang ilmu ini sebagai satu warisan.

Kepentingan ilmu ini dari segi nilai adalah sebagai rawatan yang lebih mujarab. Masyarakat pada hari ini cenderung untuk bergantung pada perubatan moden. Kesedaran tentang perubatan tradisional khususnya yang berasal dari masyarakat Melayu Sarawak semakin dilupakan. Sedangkan perubatan tradisional menyimpan pelbagai kemampuan yang tidak dimiliki perubatan moden. Pada masa yang sama, perubatan tradisional mampu mengubati penyakit yang tidak dapat dirawat di hospital dan klinik (Mohd Farhan, Khadher et.al, 2013: 79). Tambahan pula, perubatan moden dan perubatan tradisional Melayu saling melengkapi antara satu sama lain (Baharudin, 2020). Hal ini secara tidak langsung boleh memajukan bidang perubatan negara dengan acuan tersendiri. Jelas bahawa perubatan tradisional Melayu Sarawak mempunyai kepentingan berdasarkan parameter nilai.

Selain itu terdapat kepentingan ilmu ini dari segi nilai iaitu untuk penyelidikan. Penyelidikan ke atas ilmu perubatan tradisional Melayu perlu dijalankan bagi memahami bagaimana penggunaan herba-herba terpilih dalam rawatan memberi kesan kepada sesuatu penyakit. Sebagai contohnya penyelidikan yang pernah dijalankan oleh Pusat Racun Negara. Pihak mereka telah mendapati bahawa untuk mendapatkan herba yang terbaik hendaklah diambil pada masa-masa tertentu (Razak, 1996). Mereka merujuk perkara ini kepada pengamal perubatan

tradisional terlebih dahulu dan perkara ini adalah sah. Hal ini adalah jelas bahawa ilmu perubatan tradisional perlu penyelidikan yang saintifik bagi menguji proses-proses pengobatannya. Dengan ini, adalah penting ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak untuk penyelidikan.

Dari segi tempoh masa, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak ini membuktikan bahawa telah wujud selama beratus tahun bahkan ada yang mencetus ribu. Hal ini jelas apabila perubatan tradisional dikatakan telah muncul sebelum kedatangan ajaran Hindu yang juga muncul sebelum Islam pada abad ke-15 semasa era Kesultanan Melaka. Maka, perubatan tradisional Melayu Sarawak ini telah bermula semasa nenek moyang orang Melayu menganut animisme iaitu kepercayaan bahawa semua yang ada disekeliling adalah benda bernyawa (Abu Humayd, 2021). Secara tidak langsung sejarah ini menunjukkan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak telah lama diamalkan. Pada masa yang sama, menunjukkan ilmu ini sudah kukuh kerana usia ilmu ini adalah sangat lama. Oleh kerana ini, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak mempunyai kepentingan berdasarkan parameter tempoh masa.

Isu dan Cabaran Ilmu Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Cabaran utama kepada kelangsungan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah pengabaian ilmu ini oleh masyarakat Melayu Sarawak. Ilmu ini adalah sebahagian daripada budaya. Budaya adalah identiti kepada sesuatu kelompok masyarakat. Sekiranya ditinggalkan maka masyarakat akan hilang sebahagian daripada identitinya. Pengabaian ilmu ini sebagai dicetus dalam kajian pada tahun 2013. Dalam hal ini, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak tidak diketahui oleh majoriti generasi muda bahkan tidak diterima oleh sebahagian golongan tua (Rosnah Mustafa et al., 2014: 321). Perkara ini amat jelas membimbangkan kerana sebuah warisan yang sangat bernilai bakal hilang diteloh zaman.

Hubungan yang belum kukuh diantara perubatan tradisional dan perubatan moden masih lagi wujud jurang diantara keduanya. Isu ini muncul apabila sumber rujukan untuk mengukuhkan ilmu pengetahuan tentang perubatan tradisional termasuk juga di Sarawak. Menurut Dr. Zaliha Mustafa pada 2023, tiada keharmonian diantara kaedah penyelidikan klinikal dengan asas-asas perubatan tradisional (Utusan Borneo Online, 2023). Perkara ini menyebabkan ilmu perubatan Melayu Sarawak di tinggalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak sendiri pada hari ini.

Kaedah Pengurusan Warisan yang telah Dilaksanakan Bagi Ilmu Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Usaha untuk mengurus ilmu perubatan ini sebagai sebuah warisan bernilai tinggi telah dijalankan sebelum ini. Antara kaedah pengurusannya adalah dengan memantapkan identiti seseorang pengamal perubatan tradisional Melayu Sarawak. Walaupun begitu, kaedah ini dilakukan secara umum di seluruh negara tetapi masih menyentuh ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak. Pengiktirafan kemahiran seseorang pengamal akan diberi dengan sijil sebagai tandanya. Mereka yang memenuhi syarat sebagai pemegang sijil adalah berpengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun yang berusia lebih 50 tahun (Nor 'Asyikin, 24 april). Oleh itu, pengiktirafan ini menjadi salah satu usaha untuk mengurus ilmu perubatan tradisional khususnya untuk perubatan tradisional Melayu Sarawak.

Pihak bukan kerajaan juga dilihat telah giat memupuk kesedaran kepada masyarakat tentang ilmu perubatan tradisional secara umum. Pertubuhan Sentuhan Kasih Al-Qalam Malaysia antara yang berusaha membetulkan persepsi yang negatif keatas bidang ilmu ini. Kebanyakan ahli masyarakat tidak memahami kandungan ilmu perubatan ini dengan menganggap ilmu perubatan tradisional Melayu adalah perbomohon (Muhammad Aminuraliff, 2020). Oleh itu, mereka berusaha untuk memartabatkan perubatan tradisional Melayu dengan mendedahkan kebenaran tentang ilmu perubatan tradisional

Melayu. Tambahan pula, mereka membetulkan tanggapan negatif masyarakat iaitu ilmu perubatan tradisional ini adalah khurafat dan menyesatkan umat Islam. Pada akhirnya, memberi kesedaran tentang ilmu perubatan tradisional Melayu menjadi salah satu kaedah pengurusan yang telah dijalankan khususnya daripada bukan kerajaan iaitu Pertubuhan Sentuhan Kasih Al-Qalam Malaysia.

Pengkomersialan pernah juga dilakukan daripada pihak Kerajaan Sarawak bagi memartabatkan warisan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak. Ketua Menteri Sarawak (kini Premier Sarawak) pada 2019 menyatakan hasrat untuk menjadikan kepelbagaian herba di Sarawak sebagai produk bernilai tinggi untuk pasaran global. Beliau mengatakan Organisasi Pangan dan Pertanian menjangka keperluan perubatan herba meningkat dengan 80% penduduk dunia pada tahun 2020 (Marilyn Ten, 2019). Secara tidak langsung, ilmu perubatan tradisional Melayu boleh berkembang dengan pendedahan dilakukan terhadap bahan-bahan dalam rawatan tersebut. Dengan ini, kaedah pengurusan seperti ini telah dijalankan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut menjadi pihak berkepentingan yang dalam mengurus sumber warisan ini. Hal ini amat jelas dengan kewujudan Akta 775 Perubatan Tradisional dan Komplimentari. Pemantapan ilmu perubatan tradisional ini sebagai sumber warisan juga dilihat pada usaha pembentukan satu badan kerajaan. Perkara ini adalah berdasarkan kelulusan Akta 775. Kelulusan Akta 775 ini telah mendorong tertubuh sebuah majlis pada 2017 iaitu Majlis Perubatan Tradisional dan Komplimentari atau T&CM Council (Nor `Asyikin Nor Hayin, 2021). Melalui kaedah pengurusan yang seperti ini, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak tidak terkecuali dalam pantauan kerajaan sebagai satu sumber warisan negara. Oleh itu, usaha yang dimainkan oleh kerajaan melalui KKM boleh adalah salah satu kaedah pengurusan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak.

Cadangan dan Langkah untuk Perlindungan, Pemuliharaan dan Pemeliharaan Ilmu Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Kerajaan perlu memberikan perhatian kepada kelangsungan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak. Melalui peranan kerajaan yang menyeluruh, bidang ilmu ini akan terhindar dari kepunahan. Beberapa usaha daripada kerajaan boleh dilakukan seperti memberi peruntukan mengorganisasikan pertubuhan yang berkaitan dengan perubatan tradisional Melayu Sarawak. Tambahan pula, bidang perubatan ini boleh memberikan kebaikan kepada negara. Hal ini kerana perubatan tradisional Melayu Sarawak boleh dimartabatkan sebagai satu perubatan beridentitikan Malaysia.

Pihak bukan kerajaan atau NGO perlu meneruskan usaha memberikan kesedaran tentang kepentingan ilmu ini sebagai satu warisan. Penyebaran maklumat berkenaan ilmu ini perlu dipergiatkan. Selain itu, NGO perlu mencari jalan yang lebih efektif dan efisien agar pengetahuan tentang warisan perubatan tradisional Melayu Sarawak meresap dalam masyarakat. Keahlian NGO dalam hal ini perlu di manfaat bagi menjamin kelangsungan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak.

Kesimpulan

Ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah salah satu warisan yang tidak boleh dilupakan. Warisan nenek moyang ini semakin dilupakan pada hari ini. Hal ini amat membimbangkan kerana ianya akan hilang suatu hari nanti. Usaha yang pernah dilakukan untuk memartabatkan ilmu ini perlu diteruskan malah perlu ditambah baik kaedah pengurusannya. Pihak yang ahli dalam bidang berkaitan dengan ilmu tersebut perlu mencari jalan agar ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak terus diwarisi oleh generasi-generasi akan datang. Menurut Tunku Abdul Rahman, "Pelihara untuk generasi masa depan... sesebuah negara

tidak akan berjaya kecuali jika ada sesuatu yang dapat kita warisi dan manfaatkan”.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Gimlette, J. D. 1923. *Malay Poison and Charm Cures*. London: J & A Churchill.
- Hamidah Abdul Hamid. 2013. Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1, 89-97.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin, Mohamad Zaim Ismail dan Muhammad Ikhlas Rosele. 2013. Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah*. 3, 79-90.
- Nurdeang Deuraseh dan Hayati Lateh. 2011. Rukyah (Jampi) dalam Perubatan Tradisional Melayu sebagai Rawatan Penyakit, Pencegahan, Pendinding Diri dan Harta: Kehebatan dan Sumbangan Ilmuwan Nusantara. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun)*. UKM. Hlm 383-391.
- Rosnah Mustafa, Radina Mohd Deli, Monaliza Sarbini-Zin dan Wan Robiah Meor-Osman. 2014. Amalan Perubatan Melayu Sarawak. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 134, 316 - 322.
- Wan Husni Wan Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aminudin Hehsan, Zulkiflee Haron, Arieff Salleh Rosman dan Mohd Nasir Ripin. 2019. Terapi Mandi Bunga Dalam Perubatan Melayu Untuk Penjagaan Kesihatan Mental. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6, 123-135.

Akhbar

Pustaka Negeri Sarawak. 1922. *The Sarawak Gazette*, Wednesday, March 1, No 882. https://www.pustakasarakawak.com/gazette/gazette_detail.php?iud=1922.

Utusan Borneo. 2023. "Sumber rujukan terhad antara cabaran perubatan tradisional dan komplementari belum kukuh". <https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/14/sumber-rujukan-terhad-antara-cabaran-perubatan-tradisional-dan-komplementari-belum-kukuh> di akses pada 16 September 2023.

Internet

Abu Humayd. 2021. *Asal Usul Perubatan Melayu*, <https://www.abuhumayd.my/2021/06/10/asal-usul-perubatan-tradisional-melayu/> akses pada 13 November 2022.

Marilyn Ten. 2019. *Sarawak has Huge Potential in Herbal Industry*, <https://www.theborneopost.com/2019/08/15/sarawak-has-huge-potential-in-herbalindustry-cm> akses pada 16 November 2022.

Muhammad Aminuraliff. 2020. *Memartabatkan Perubatan Melayu Tradisional*, https://www.sinarharian.com.my/article/92363/SUARASI_NAR/Analisis/Sinar/Memartabatkan-perubatan-tradisional-Melayu akses pada 12 November 2022.

Nor `Asyikin Mat Hayin. 2021. *Perubatan Tradisional Melayu*, <https://www.hmetro.com.my/sihat/2021/05/704059/perubatan-tradisional-melayu> akses pada 30 November 2022.

Nor `Asyikin Mat Hayin. 2022. *Memprofesional Perubatan Tradisional*, https://www.msn.com/en-my/news/berita/memprofesionalperubatantradisional/arA_AWwgRv akses pada 15 November 2022.

Razak Hj. Lajis. 1996. *Perubatan Tradisional: Antara Manfaat dan Risiko*, <https://prn.usm.my/index.php/publications/magazines/dewankosmik/537perubatantradisional-antara-manfaat-dan-risikoapril-1996> akses pada 14 November 2022.